



IDRIS JUSOH melepaskan Sukarelawan Siswa di pekarangan Kementerian Pendidikan Tinggi, Putrajaya, semalam. - BERNAMA

2,125 sukarelawan universiti turun padang

PUTRAJAYA 4 Dis. - Sebanyak 2,125 sukarelawan universiti tempatan akan turun padang di beberapa buah negeri bagi melaksanakan pelbagai projek serta program bermula esok sehingga 13 Disember ini.

Pengerusi Majlis Sukarelawan Universiti Malaysia (Maskum), Prof. Dr. Mohamed Fadzil Che Din berkata, kesemua sukarelawan terbabit akan melaksanakan 27 program serta misi sukarelawan yang bakal dianjurkan oleh 20 universiti awam sepanjang tempoh itu.

Katanya, usaha berkenaan bersempena Hari Sukarelawan Dunia tahun ini, justeru pihaknya turut menamakan misi kerja-kerja sukarelawan tersebut sebagai *Malaysian Soaring Upwards Volunteers* atau MySUV.

"Antara projek yang akan dijalankan oleh kumpulan sukarelawan terbabit adalah membersihkan institusi agama serta rumah ibadah, pemeriksaan kesihatan dan pembersihan rumah anak yatim di sekitar Universiti Pertahanan

Nasional Malaysia (UPNM).

"Misi tersebut akan digerakkan oleh kumpulan sukarelawan Mas-kum UPNM," katanya di sini hari ini.

Terdahulu, Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh melepaskan rombongan sukarelawan berkenaan dalam satu acara simbolik di bangunan kementerian itu.

Majlis tersebut turut disertai Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Mary Yap Kain Ching dan Ketua Setiausaha kementerian itu, Datuk Seri Ir. Dr. Zaini Ujang.

Selain itu Mohamed Fadzil berkata, sebanyak 100 ahli MySUV Universiti Sains Malaysia (USM) dan 40 ahli MySUV Universiti Putra Malaysia (UPM) akan menjalankan program khusus untuk gelandangan di sekitar Georgetown, Pulau Pinang pada 12 hingga 13 Disember ini.

Ujarnya, misi tersebut turut disertai Naib Canselor USM, Prof. Datuk Dr. Omar Osman dan beberapa pegawai tinggi universiti

berkenaan.

"MySUV Universiti Malaysia Sabah (UMS) pula akan menggerakkan 300 sukarelawan ke sekitar Kota Kinabalu melalui projek gotong-royong pasca banjir dan bengkel persediaan banjir.

"Begitu juga dengan pasukan MySUV Universiti Malaysia Sarawak (Unimas). Universiti ini akan menggerakkan 400 sukarelawannya ke sekitar Kuching dan Kota Samarahan bagi melaksanakan kursus asas pasca banjir dan projek pengurusan banjir," ujarnya.

Sementara itu, Idris dalam satu acara lain selepas menyempurnakan majlis pelepasan itu telah menyaksikan program perdebatan dalam bahasa Inggeris melibatkan pasukan dari UiTM dan UIAM di bangunan sama.

Pasukan UiTM itu merupakan juara Pertandingan Debat Tahunan Antara Universiti Cambridge manakala pasukan UIAM pula juara bagi kategori Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua (ESL) dalam pertandingan sama bulan lalu.